

UNIT 5 : MASA DAN WAKTU : PENYELESAIAN MASALAH

Tandakan (/) pada jawapan yang betul.

1. Hari ini hari Khamis. Hari ini Kamal pergi ke sekolah menaiki basikal. Tiga hari sebelum ini, Kamal pergi ke sekolah menaiki bas. Pada hari apakah Kamal menaiki bas?

Isnin ☐ Selasa ☐ Rabu ☐

2. Hari ini keluarga Ros bertolak ke Melaka. Mereka akan pulang ke Johor lusa iaitu pada hari Isnin. Pada hari apakah mereka bertolak ke Melaka?

Jumaat ☐ Sabtu ☐ Ahad ☐

3. Hari lahir Suraya ialah dua bulan selepas Disember. Pada bulan apakah hari lahir Suraya?

Januari ☐ Februari ☐ Mac ☐

4. Suresh akan pergi melancong ke Tokyo sebulan sebelum menyambut perayaan Krismas. Pada bulan apakah Suresh akan pergi melancong?

November ☐ Disember ☐ Januari ☐

5. Pertandingan robotik akan diadakah selepas bulan Mac dan sebelum cuti penggal bulan Jun. Pada bulan apakah pertandingan ini mungkin diadakan?

Februari ☐ Mac ☐ April ☐